

Naib Canselor UMS tidak lupakan staf dan pelajar UMS-KAL



BERBUKA....Dr Kamaruzaman (empat kanan) dan tetamu lain mengaminkan doa pada majlis berbuka puasa di UMS Labuan.

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig. Jen. Prof Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon tidak pernah melupakan staf dan pelajar kampusnya di Labuan iaitu Universiti Malaysia Sabah-Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) untuk bersama-sama berbuka puasa.

Sehubungan dengan itu, beliau dan isteri Datin Dr Ann Anton, pada Jumaat lalu berkesempatan untuk hadir sempena Majlis Berbuka Puasa Bersama Naib Canselor yang diadakan di Masjid Al-Hikmah UMS-KAL.

Pada majlis itu, seramai 2,000 pelajar dan kakitangan hadir untuk sama-sama meraikan yang diadakan setahun sekali itu sambil beramah mesra dengan naib canselor dan pegawai kanan UMS.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Madya Dr Kasim Mansur, Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said, Bendahari, Rizal Othman dan Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Sharif Abdul Kadir Omang.

Selepas berbuka puasa, Dr Kamaruzaman

bersama rombongan menunaikan solat maghrib sebelum menghadiri majlis makan malam bersama pelajar dan kakitangan yang diadakan di dewan utama UMS-KAL.

Lebih menarik, majlis itu turut dihadiri kakitangan dan pelajar bukan Islam yang tidak mahu ketinggalan untuk beramah mesra dengan Dr Kamaruzaman dan pegawai UMS yang lain.

Dalam ucapannya, Dr Kamaruzaman mahu pelajar Islam UMS menjadikan Ramadan sebagai bulan untuk melatih diri menjadi seorang yang selalu membantu saudara seagama dengan penuh kasih sayang dan bertanggungjawab atas tugas dan amanah yang diberikan kepada kakitangan dan pelajar.

Sempena majlis itu, seramai 10 pelajar menerima sumbangan daripada Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid yang disampaikan oleh Dr Kasim Mansur selepas ceramah agama oleh Ustaz Hazmi Dahlan dan solat Isyak serta Tarawih. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**